Teknologi yang semakin berkembang ini telah membawa kepada pengenalan proses penyuntikan logam mikro atau '*micro metal injection molding*' ( $\mu$ MIM).  $\mu$ MIM adalah satu kesinambungan daripada MIM yang mana ia melibatkan 4 kaedah pemprosesan yang sama seperti MIM iaitu pencampuran, penyuntikan, penyahikatan dan pensinteran. Ia merupakan satu proses yang menjanjikan pengeluaran komponen bersaiz mikro dalam kuantiti yang banyak pada kos yang paling efektif. Teknik-teknik seperti litografi X-Ray, *electro forming* serta beberapa teknik lain dalam penghasilan komponen mikro didapati sangat terhad hanya kepada silikon, polimer serta beberapa jenis serbuk logam tulen sahaja (Ehrfeld et al. 1995; Tolfree 1996; Lambda et al. 1994). Ini membawa kepada alternatif lain dalam penghasilan komponen mikro iaitu  $\mu$ MIM itu sendiri. Walau bagaimanapun, proses  $\mu$ MIM ini masih lagi dalam peringkat kajian memandangkan ia menggunakan serbuk logam bersaiz mikro serta menitik beratkan beberapa aspek antaranya kelikatan, kekasaran permukaan (Ruprecht et al. 2002; Tay et al. 2005a; Fu et al. 2005b) serta kebolehpayaannya mengekal bentuk asal dengan baik tanpa sebarang kecacatan. Tidak seperti MIM, bahan suapan untuk  $\mu$ MIM lebih memerlukan pemerhatian yang serius dari perspektif serbuk logam yang digunakan, sistem bahan pengikat dan proses pencampuran. Dari segi perspektif serbuk, partikel yang lebih kecil adalah penting di dalam MIM kerana ia:-

- (a) menyumbang kepada perincian struktur yang kecil, nisbah bidang (*aspect ratio*) tinggi, pengekal bentuk mikrostruktur dengan baik (Ruprecht et al. 2002; Rota et al. 2002a).
- (b) memberikan kelakuan isotropik yang normal (Liu et al. 2002)
- (c) permukaan akhir yang lebih baik (Ruprecht et al. 2002; Rota et al. 2002b).

Manakala dari segi perspektif bahan pengikat, ia hendaklah mempunyai kelikatan yang rendah bagi membolehkan pengaliran sepenuhnya ke dalam acuan kaviti semasa pengacuanan suntikan. Di samping itu, sistem bahan pengikat hendaklah membenarkan tekanan bebas serta tidak berubah bentuk dalam lingkungan

submilimeter semasa penyahikatan dan pensinteran dilakukan (Merz et al. 2002). Bagi menentukan kejayaan sesebuah penyahacuan, acuan hendaklah mempunyai kekuatan yang tinggi pada suhu acuan tertentu (Ruprecht et al. 1997; Piotter et al. 2000; Piotter et al. 2001).

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Proses  $\mu$ MIM merupakan satu proses bagi menghasilkan komponen mikro dengan geometri yang kompleks serta nisbah bidang yang tinggi. Ini adalah kerana proses pengacuanan suntikan logam konvensional tidak sesuai untuk struktur mikro dengan nisbah bidang yang tinggi (Liu et al. 2005a). Untuk kajian yang akan dijalankan ini, serbuk logam bersaiz mikro 5 mikron akan digunakan bagi menghasilkan komponen mikro. Serbuk logam bersaiz mikro menyumbang kepada kelikatan yang lebih tinggi berbanding dengan saiz serbuk logam yang besar. Peningkatan peratusan serbuk logam yang digunakan akan menyebabkan kelikatan bahan suapan meningkat yang mana ia akan menyukarkan proses pengacuanan mikro serta perlu dihindarkan di dalam proses  $\mu$ MIM (Koseski et al. 2005; Liu et al. 2006; Yimin et al. 2008). Sebaliknya peratusan bahan pengikat yang tinggi diperlukan bagi merendahkan kelikatan bahan suapan serbuk mikro. Akan tetapi, peningkatan peratusan bahan pengikat akan menyebabkan kadar pengecutan meningkat (Garino et al. 2004) dan akan merendahkan ketumpatan jasad sinter (Quinard et al. 2008). Kadar pengecutan komponen mikro yang terlalu tinggi menjadikan ia antara permasalahan kajian. Di samping itu, bahan pengikat yang berlebihan akan menyebabkan kelikatan terlalu rendah dan akhirnya masalah pemisahan serbuk-bahan pengikat pula akan berlaku (German et al. 1997; Merz et al. 2002). Manakala kekurangan bahan pengikat akan menyebabkan permukaan serbuk tidak disaluti sepenuhnya di mana akan menyukarkan pengacuanan (Chung et al. 1989). Untuk pengacuanan komponen mikro, kelikatan yang rendah amat diperlukan bagi membolehkan pengisian lengkap berlaku dengan sempurna (Liu et al. 2005a). Tetapi kelikatan yang terlalu rendah akan mengakibatkan padatan sukar untuk mengekalkan bentuknya selepas proses penyahikatan dan pensinteran (Zauner et al. 2004).

Penggunaan serbuk logam bersaiz mikro juga mengandungi kandungan oksigen yang tinggi berbanding serbuk kasar. Ini ditambah pula dengan jenis pengatoman air yang digunakan di dalam kajian ini yang lebih mudah teroksida berbanding pengatoman gas (Suri et al. 2005) di samping bentuknya yang berligamen dan tidak sekata. Ini menyukarkan lagi proses pengacuanan, penyahikatan dan pensinteran memandangkan geometri serbuk bersfera merupakan yang paling optimum di dalam MIM. Ia secara keseluruhan mempengaruhi kekuatan dan ketegaran mekanikal padatan (Zhang et al. 2008). Aspek penyahikatan dan pensinteran tanpa memperkenalkan perubahan bentuk dengan meminimakan kecacatan yang bakal dialami (Merz et al. 2002) juga merupakan permasalahan kajian. Ini adalah kerana penggunaan serbuk bersaiz mikro akan menyumbang kepada herotan jasad anum/perang serta peledingan komponen akibat daripada pengecutan isotropik. Kemampuan jasad anum/perang dalam mengekalkan bentuk sebenar mempengaruhi kejituan dimensi dan merupakan antara cabaran utama di dalam  $\mu$ MIM.

Maka untuk menyelesaikan semua pernyataan masalah di atas, satu pendekatan yang optimum harus dilaksanakan bagi mengenalpasti kesesuaian PEG dan PMMA sebagai bahan pengikat serta kemampuan sifat homogennya dalam meminimakan kadar pengecutan yang bakal dialami. Kajian ini bakal membuka lembaran baru di dalam  $\mu$ MIM di mana tiada penyelidik yang menggunakan kaedah Taguchi mahupun Grey-Taguchi di dalam mengoptimumkan parameter proses yang terlibat. Di sini kaedah Taguchi dan Grey Taguchi digunapakai bagi mengoptimumkan setiap proses yang terlibat bagi menghasilkan komponen mikro berketumpatan tinggi. Melalui kaedah rekabentuk eksperimen ini, ia dipercayai mampu meminimakan masalah herotan jasad anum, peledingan serta meminimakan kandungan oksigen jasad sinter. Pengurangan kadar pengecutan dengan aspek pengekal rupa bentuk yang baik serta kejituan dimensi merupakan antara cabaran utama di dalam  $\mu$ MIM.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang dinyatakan, maka kajian ini bertujuan untuk:-

- 1) Mengkaji peratusan pembebanan serbuk kritikal (CPVC) bagi serbuk logam keluli tahan karat SS 316L bersaiz mikro bersama bahan pengikat PEG dan PMMA dalam penghasilan komponen mikro.
- 2) Mengoptimumkan parameter penyuntikan dan penyahikatan larutan dengan menggunakan Kaedah Taguchi.
- 3) Mengoptimumkan penyahikatan terma dan pensinteran dalam satu kitaran proses relau vakum dengan menggunakan Kaedah Taguchi.
- 4) Mengkaji kesan peratusan kadar pengecutan dan ketumpatan jasad sinter hasil daripada parameter yang telah dioptimumkan pada setiap proses pengacuanan suntikan logam mikro.
- 5) Mengkaji sifat mekanikal padatan jasad hasil daripada pengoptimuman menggunakan rekabentuk eksperimen.

### 1.4 SKOP KAJIAN

Kajian ini akan melihat kepada kesesuaian penggunaan PEG dan PMMA dalam penghasilan komponen mikro dari segi sifat kehomogenannya serta kesesuaiannya semasa penyuntikan. Ia akan menggunakan serbuk SS 316L bersaiz 5 mikron dengan PEG dan PMMA bertindak sebagai bahan pengikat. Bahan pengikat ini dipilih kerana PEG dapat mengurangkan kelikatan semasa proses penyuntikan manakala menurut Supriadi (2007), PMMA pula mampu mengelakkan kelekitan antara bahan suapan. Secara signifikannya, PEG mempunyai suhu lebur yang rendah dan ia amat mudah bercampur dengan serbuk logam dan merupakan komponen yang pertama terurai dahulu semasa proses penyahikatan air (German & Bose 1997). Untuk menguatkan bahan suapan, PMMA dengan berat molekul tinggi yang berfungsi sebagai komponen sekunder ditambah untuk memberikan tegangan pada produk pada suhu yang tinggi semasa proses penyahikatan terma. Ini adalah disebabkan komponen sekunder tersebut mempunyai kelikatan dan suhu penguraian yang tinggi (Rhee 1992).



2 ciri penyahikatan ini amat penting khususnya untuk mengelakkan herotan komponen serta peledingan semasa penyahikatan.

Salah satu faktor yang perlu diberi perhatian serius adalah kebolehan jasad akhir/sinter dalam mengekalkan bentuk asal dengan baik dengan meminimalkan pengecutan yang berlaku (Liu et al. 2005b). Untuk tujuan ini, satu kaedah rekabentuk eksperimen(DOE) menggunakan Taguchi akan dilaksanakan agar parameter-parameter yang terlibat di dalam setiap proses iaitu pencampuran, penyuntikan, penyahikatan serta pensinteran dapat dioptimumkan. Kesenambungan daripada pengoptimuman ini akan mendorong kepada pengurangan kecacatan yang berlaku seperti herotan, peledingan dan seterusnya memberikan sifat mekanikal yang lebih baik dari segi ketumpatan dan sifat morfologi. Di samping itu, dengan pengoptimuman ini dijangka akan meminimalkan kadar pengecutan dan kandungan oksigen serta meningkatkan ketumpatan akhir jasad sinter. Kawalan terhadap setiap proses dalam penghasilan komponen mikro perlu dititik beratkan memandangkan  $\mu$ MIM adalah proses terkini yang masih dalam peringkat kajian secara global.

## **1.5 SUSUN ATUR TESIS**

Tesis ini terdiri daripada 9 Bab, dengan pengenalan ringkas kepada kajian yang dijalankan diterangkan dalam Bab I. Bab II membahaskan kajian kepustakaan yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan dan proses yang berkaitan di dalam  $\mu$ MIM. Manakala Bab III pula menerangkan kaedah penyelidikan yang dijalankan bermula daripada penyediaan dan perincian bahan suapan, instrumen yang digunakan dan kaedah rekabentuk eksperimen. Selain itu, ia turut membincangkan keputusan perincian bagi suapan yang meliputi ujian pembebanan serbuk kritikal, ujian DSC dan TGA. Seterusnya Bab IV memperincikan keputusan analisis sifat reologi bahan suapan. Bab ini menjelaskan prestasi bahan suapan kajian merangkumi kesesuaiannya sebagai bahan suapan  $\mu$ MIM dengan beberapa kriteria diambil kira antaranya kelikatan, indeks tingkah laku aliran, tenaga pengaktifan dan indeks kebolehcuan. Bab V pula membincangkan pengoptimuman parameter penyuntikan mikro bermula daripada ujian saringan bagi 2 ciri kualiti kajian serta pengaruh setiap parameter terhadap proses yang dikaji. Seterusnya, pengoptimuman menggunakan Kaedah

Taguchi dan Grey Taguchi diterangkan di akhir bab. Begitu juga dengan Bab VI yang membahaskan keputusan bagi penyahikatan larutan menggunakan Rekabentuk Eksperimen. Bab VII pula memperincikan keputusan penggabungan penyahikatan terma dan pensinteran di dalam satu kitaran dan kaedah pengoptimuman yang digunakan semasa proses ini. Bab VIII menerangkan ujian jasad sinter yang merangkumi kadar pengecutan, sifat morfologi, ujian kandungan karbon dan oksigen, ujian kekerasan Vickers serta komposisi kimia jasad sinter. Kesimpulan yang dihasilkan bagi kajian ini serta cadangan bagi kajian selanjutnya ditunjukkan oleh Bab IX.

## BAB II

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 PENGENALAN


Pengacuan suntikan logam atau lebih dikenali sebagai *Metal Injection Molding*, (MIM) merupakan satu proses yang semakin menarik minat bukan sahaja para penyelidik malah sektor industri yang memerlukan penjimatan kos pada kuantiti yang banyak serta kemasan permukaan yang baik dengan sedikit sisa buangan. River (1976) merupakan individu pertama yang menggunakan bahan termoplastik sebagai bahan pengikat yang mana beliau menguraikan termoplastik daripada produk yang dihasilkan dengan cara memanaskan produk tersebut iaitu suatu kaedah yang dikenali sebagai proses penguraian haba. Penemuan demi penemuan berjaya ditemui sehingga membuatkan proses MIM ini semakin diminati berbanding kaedah konvensional metalurgi serbuk logam secara padatan (*Powder Compaction*).

Jadual 2.1 Perbezaan antara ciri komponen yang dihasilkan melalui proses MIM dan Pematatan Serbuk

<b>Pematatan Serbuk (<i>Powder Compaction</i>)</b>	<b>Pengacuan suntikan logam (<i>Metal Injection Molding</i>)</b>
Bentuk yang terhad Ketumpatan antara 73% - 90%	Bentuk terlalu rumit boleh dihasilkan Ketumpatan yang tinggi antara 93% - 97%

Sumber : German dan Bose 1997

Proses MIM menghasilkan kekasaran permukaan yang lebih baik serta ketepatan yang lebih jitu jika dibandingkan dengan kaedah metalurgi serbuk secara konvensional kerana ia menggunakan serbuk logam yang halus serta penggunaan bahan pengikat yang berfungsi sebagai 'kenderaan sementara' yang membawa serbuk logam ke dalam kaviti acuan. Ikatan mekanikal antara partikel serbuk logam amat bergantung kepada saiz partikel yang digunakan, bentuk saiz partikel serta penggunaan bahan pengikat yang mana ia akan mempengaruhi sifat kehomogenan dan seterusnya memberi kesan pada setiap proses yang terlibat di dalam MIM. Menurut Yoshikawa & Ohmori (2001), terdapat empat negara yang melakukan kajian secara mendalam terhadap bidang ini iaitu Jepun, Amerika Syarikat, Jerman dan Taiwan. Kelebihan yang ada di dalam proses MIM telah membawa kepada revolusi  $\mu$ MIM (Fu et al. 2005a, b). Rajah 2.1 menunjukkan proses aliran bagi proses  $\mu$ MIM.



Rajah 2.1 Proses aliran bagi pengacuan suntikan logam mikro ( $\mu$ MIM)

Mikro MIM lebih menjurus kepada penggunaan partikel serbuk logam yang benar-benar halus kebiasaannya di bawah 10  $\mu\text{m}$  dalam menghasilkan komponen mikro. Ia merupakan suatu proses yang berpotensi untuk menghasilkan produk mikrostruktur serta komponen mikro yang kompleks pada kuantiti yang banyak (Tay et al. 2005b; Ruprecht et al. 2002; Tomlin 2000; Rota et al. 2002). Akan tetapi, ia memerlukan beberapa kriteria tambahan terutamanya dalam pencirian bahan suapan  $\mu\text{MIM}$ . Sebagai contoh, kelikatan yang rendah amat diperlukan di dalam pengisian mikro semasa penyuntikan sebelum bahan suapan tersebut mengeras (Liu et al. 2001; Liu et al. 2002). Sebagaimana yang diketahui, kelikatan yang tinggi akan membuatkan pengacuanan lebih sukar. Mangels & Williams (1983) menyifatkan bahawa kelikatan sesuatu pengacuanan amat bergantung kepada 3 faktor utama iaitu penyerakan saiz partikel, bentuk partikel yang digunakan serta ketumpatan serbuk yang digunakan. Di atas faktor inilah yang menyebabkan kebanyakan para penyelidik secara berterusan membuat kajian kesesuaian penggunaan serbuk logam dan bahan pengikat bertujuan untuk memudahkan pengacuanan dan seterusnya meminimakan kecacatan yang kebiasaannya berlaku di dalam proses  $\mu\text{MIM}$ .

Bab II ini akan membincangkan beberapa hasil kajian literasi penulis terhadap kajian-kajian yang dilakukan oleh penyelidik terdahulu berkaitan bidang pengacuanan suntikan logam samada mikro ataupun tidak. Ini termasuklah ciri-ciri bahan suapan yang terdiri daripada serbuk logam serta bahan pengikat, sifat reologi, proses penyuntikan dan parameter suntikan, proses penyahikatan, pensinteran, kecacatan jasad anum serta jasad akhir yang dihasilkan dengan proses ini. Beberapa artikel yang relevan akan dijadikan sebagai rujukan bagi menguatkan fakta dalam menjalankan ujikaji.

## **2.2 BAHAN SUAPAN**

Di dalam  $\mu\text{MIM}$ , bahan suapan adalah medium utama bagi kejayaan penghasilan komponen mikro. Bahan suapan adalah campuran di antara serbuk logam dan bahan pengikat yang digunakan mengikut komposisi yang bersesuaian agar ia mempunyai dua ciri utama iaitu likat dan elastik. Menurut German (1990,1996) dan Bose (1994), terdapat lima faktor yang mempengaruhi sifat-sifat bahan suapan iaitu:-

- i. ciri-ciri serbuk logam
- ii. komposisi bahan pengikat
- iii. nisbah serbuk/bahan pengikat.
- iv. kaedah pencampuran.
- v. teknik pembutiran

Sesuatu bahan suapan yang disediakan hendaklah mempunyai sifat homogen supaya ia dapat memudahkan proses pengacuan dan kawalan dimensi terhadap produk akhir. Ia dikatakan homogen apabila kesemua serbuk logam diandaikan disaluti ataupun dibasahi dengan bahan pengikat (German 2004). Ketidakhomogen bahan suapan akan memberi kesan bukan sahaja terhadap data reologi malah akan mempengaruhi parameter penyuntikan serta penyahikatan komponen tersebut. Ketidakhomogenan bahan suapan ini boleh dilihat dengan mata kasar melalui kewujudan lompong dan gumpalan dalam campuran. Gumpalan berlaku akibat kegagalan bahan pengikat untuk menyelaputi permukaan serbuk logam akibat daripada beberapa faktor antaranya kekurangan bahan pengikat serta agen aktif permukaan yang berfungsi untuk menggalakkan keberaliran. Penggumpalan serbuk logam ini boleh dileraikan dengan menggunakan pengadun ricihan tinggi tetapi ianya mungkin akan menyebabkan serbuk logam tersebut teroksida (Hartwig et al. 1998).


Suri et al. (2003) dalam kajiannya mendapati bahawa serbuk tungsten yang bergumpalan akan menghasilkan padatan yang berketumpatan rendah dan mempunyai kelikatan yang tinggi. Beliau mencadangkan penggunaan mesin pengadun ricihan tinggi serta mengurangkan suhu pengadunan untuk mengurangkan masalah gumpalan. Bagaimanapun suhu pengadunan yang tinggi akan menyebabkan masalah pemisahan serbuk/ bahan pengikat dan adunan yang tidak homogen yang bertindak melebarkan taburan saiz partikel dan mengurangkan kelikatan bahan suapan (Supati et al. 2000). Suhu pengadunan boleh dianggarkan melalui ujian *Differential Scanning Calorimetry (DSC)* yang mana ia dapat menentukan suhu peleburan serta suhu pengkristalan semula bahan pengikat.

### 2.2.1 Ciri, saiz dan bentuk partikel serbuk logam

Dalam memahami proses pengacuan suntikan logam, pencirian jasad hijau merupakan aspek terpenting kerana ia akan mempengaruhi sifat bahan suapan dan produk yang dihasilkan (Iacocca 1994). Serbuk logam yang halus  $D_{50} = 5.96\mu\text{m}$  yang digunakan di dalam kajian ini dijangka akan memberikan nilai pengecutan dimensi yang kecil serta memberikan sifat mekanikal yang baik. Ini adalah kerana serbuk halus mempunyai luas permukaan bersentuhan yang lebih kecil di antara partikel serbuk. Pemadatan saiz partikel melalui kadar pembebanan yang tinggi ini akan menghasilkan geseran antara partikel yang lebih tinggi semasa penyuntikan dan persinteran dan ini akan mengurangkan kemungkinan jasad anum tersebut membengkok atau berubah bentuk semasa proses penyahikatan serta proses pensinteran. Ini diakui sendiri oleh Iacocca (1994), German (1990) yang mana ketumpatan padatan yang tinggi adalah merupakan satu perkara yang perlu dititikberatkan kerana ia akan menguatkan struktur akhir serta mengurangkan peratusan pengecutan (Glabus et al. 1995; Japka & German 1991; Rhee et al. 1991). Serbuk halus mempunyai sifat kebolehsinteran yang lebih baik berbanding dengan yang kasar tetapi ia memerlukan masa penyahikatan serta pensinteran yang lebih lama serta lebih mahal. Di samping itu, serbuk halus juga menyumbang kepada kelikatan yang lebih tinggi berbanding dengan penggunaan serbuk kasar yang mana di dalam pengacuan suntikan logam, kelikatan yang rendah amat diperlukan bagi memudahkan pengaliran ke dalam acuan mikro (Liu et al. 2001) dan tenaga pengaktifan yang rendah (Cao et al. 1991). Oleh itu, penggunaan serbuk logam halus ini akan menyukarkan proses penyuntikan akibat faktor-faktor di atas. Khairur Rijal (2009) telah menggunakan serbuk bimodal iaitu campuran serbuk kasar dan halus yang mana ia lebih mudah untuk disuntik serta dapat meningkatkan ketumpatan jasad anum. Hal ini telah dibuktikan oleh German dan Bulger (1992) ; German (1992); German dan Lin (1994) dan Resende et al. (2001). Menurut German dan Lin (1994), ketumpatan jasad anum ini bertambah disebabkan oleh pemadatan serbuk logam telah ditingkatkan dengan kehadiran serbuk logam yang lebih halus bagi mengisi ruang-ruang kosong di antara partikel serbuk logam yang kasar disamping ianya dapat mengurangkan pengecutan jasad anum apabila ianya dinyahikatan dan disinter. Selain daripada itu, kajian oleh Ravi et al. (1999) mendapati ketumpatan jasad anum yang disediakan dengan menggunakan serbuk alumina dwiragaman telah

meningkat sebanyak tujuh hingga sebelas peratus berbanding serbuk logam tunggal kasar.

German & Hens (1992) telah mengenalpasti bahawa bentuk serbuk logam yang sesuai digunakan di dalam MIM adalah berbentuk “bola ragbi” atau bentuk “kentang” seperti yang dapat dilihat pada Rajah 2.2. Dengan nisbah L/W di antara 1.2 hingga 1.5, geometri ini dipercayai dapat menghasilkan kesan saling kunci atau ‘*interlocking*’ yang amat baik berbanding dengan saiz zarah yang berbentuk sfera. Fenomena ini akan memberikan kekuatan jasad hijau yang tinggi serta memberikan nilai ketumpatan padatan yang lebih tinggi berbanding dengan serbuk yang berbentuk sfera (German & Bose 1997).



Rajah 2.2 Skematik saiz serbuk yang ideal.

Sumber : German & Hens 1992

Terdapat pelbagai saiz zarah serbuk yang digunakan dalam proses penyuntikan tetapi pada umumnya bersaiz di bawah  $25\mu\text{m}$  (Kulkarni 2000). Serbuk yang paling sesuai untuk proses penyuntikan adalah yang mempunyai saiz zarah median antara 2 hingga  $8\mu\text{m}$  (German & Hens 1992; Shivashankar et al. 1995).

Menurut German & Bose (1997), kebolehpayaan sesuatu serbuk logam untuk disuntik adalah bergantung kepada nilai taburan lengkung atau taburan saiz zarah,  $S_w$ . Serbuk yang paling mudah disuntik mempunyai nilai parameter taburan saiz zarah ( $S_w$ ) lebih kecil daripada 2 atau lebih besar daripada 7 (sangat lebar ataupun sangat sempit) (German dan Bose 1997, Yang et al. 1996 dan Iacocca 1994). Taburan saiz zarah yang sempit sesuai untuk pembasahan bahan pengikat. Manakala serbuk yang agak sukar disuntik mempunyai nilai  $S_w$  antara 4 dan 5. Ini adalah kerana taburan saiz



partikel tersebut adalah sempit jika dibandingkan dengan serbuk yang lebih kasar. Serbuk yang mempunyai taburan saiz zarah yang lebar boleh meningkatkan ketumpatan padatan kerana zarah-zarah yang halus akan mengisi liang-liang di antara zarah-zarah yang besar (Mutsuddy & Ford 1995; Shanefield 1996).  $S_w$  atau lebih dikenali sebagai lengkung taburan kumulatif log-normal dianalisa menggunakan persamaan berikut:-

$$S_w = \frac{2.56}{\log_{10} \left( \frac{D_{90}}{D_{10}} \right)} \quad (2.1)$$

dengan  $D_{90}$  dan  $D_{10}$  adalah saiz zarah pada taburan bertokok 90% dan 10%.

Jika diperhatikan kepada nilai  $S$  iaitu luas permukaan tentu, ia merujuk kepada keupayaan sesuatu bahan dalam mengisi ruang-ruang antara partikel semasa proses penyuntikan, penyahikatan dan pensinteran (Lee et al. 2004). Luas permukaan tentu yang lebih besar akan memberikan penumpatan padatan yang lebih baik dan seterusnya akan menyebabkan kadar pengecutan adalah lebih besar (German 1996; Zauner et al. 2002). Lee et al. (2004) melalui artikelnya mengesahkan bahawa penggunaan serbuk kasar yang mana nilai luas permukaan tentu,  $S$  yang rendah hanya memberikan kesan yang amat kecil ke atas proses penyahikatan. Justeru, penggunaan serbuk yang lebih halus akan mengisi keliangan yang ada dengan lebih baik jika dibandingkan dengan serbuk kasar. Seterusnya, ketumpatan tap akan menjadi semakin rendah apabila keliangan-keliangan yang ada diisi dengan baik oleh serbuk halus. Sentuhan antara partikel-partikel serbuk logam akan menyebabkan daya geseran meningkat dan ini berlaku hanya apabila luas permukaan tentu,  $S$  bertambah. Ini adalah antara permasalahan yang timbul apabila serbuk yang lebih halus digunakan di dalam pengacuanan suntikan mikro.

Secara amnya, luas permukaan tentu ( $S$ ) dinyatakan dalam ( $m^2/g$ ) adalah seperti berikut (German dan Bose 1997):-

$$S = \frac{6}{\rho D} \quad (2.2)$$

dengan  $D$  adalah saiz partikel dan  $\rho$  adalah ketumpatan teori bahan tersebut.

Penggunaan serbuk logam yang halus di dalam  $\mu$ MIM menjanjikan ketumpatan sinter yang tinggi serta kekasaran permukaan yang lebih baik. Ini adalah kerana liang serta rongga yang ada memudahkan pengaliran serbuk logam memenuhi ruang yang kosong. Pemisahan bahan pengikat juga boleh dikurangkan apabila saiz serbuk semakin halus. Akan tetapi sektor industri yang menggunakan serbuk bersaiz kasar di dalam penghasilan komponen mengalami masalah dalam mendapatkan ketumpatan sinter yang tinggi (Newkirk et al. 2004). Oleh sebab itu, kebanyakan kajian peyelidikan yang dijalankan lebih terarah dalam menggunakan serbuk yang halus berbanding yang kasar di dalam MIM dan  $\mu$ MIM.

Kajian yang dilakukan menggunakan serbuk kasar oleh Chitwood (2001) mendapati bahawa partikel saiz yang lebih kecil memberikan ketumpatan yang lebih tinggi berbanding serbuk kasar. Perkara yang sama turut disahkan melalui ujikaji yang dijalankan oleh Arakida dan Miura (1991) yang menggunakan serbuk halus 20  $\mu$ m dan 150 $\mu$ m melalui kaedah pengatoman air dan gas yang mana ia turut meningkatkan sifat mekanikal bahan tersinter.

Dihoru et al. (2000) mendapati bahawa indeks ketidakstabilan bahan suapan akan meningkat melalui penurunan saiz partikel. Masalah ini telah menjadi penghalang kepada penggunaan serbuk logam bersaiz halus dalam kejayaan sesuatu pengacuan suntikan logam mikro. Menurut Hartwig et al. (1998), serbuk logam halus mempunyai permasalahan iaitu tiada kaedah pengeluaran untuk serbuk sub mikrometer dan pengendalian serbuk akan menjadi sukar disebabkan ia amat mudah teroksida. Oleh itu, kajian kestabilan sesuatu bahan suapan boleh dianalisa dan diukur

melalui indeks pencirian aliran ( $n$ ), tenaga pengaktifan aliran ( $E$ ) dan juga indeks kebolehcuan ( $\alpha_{stv}$ ) yang mana ia akan dibincangkan di dalam bahagian seterusnya.

Ketumpatan sinter yang tinggi dapat dicapai dengan menggunakan serbuk halus. Ini adalah kerana liang zarah yang ada dapat diisi sepenuhnya oleh serbuk halus jika dibandingkan dengan serbuk kasar. Walau bagaimanapun, luas permukaan bersentuhan di antara partikel serbuk halus menghasilkan geseran yang lebih tinggi berbanding serbuk kasar. Seterusnya, permasalahan seperti penggumpalan serbuk akan berlaku semasa pengadunan yang mana serbuk logam hanya tertumpu pada sesuatu bahagian sahaja manakala dalam bahagian yang lain hanya terdapat bahan pengikat. Ini adalah ketidakhomogenan yang kebiasaan berlaku bagi penggunaan serbuk halus. Hal ini turut dialami oleh Muhamad Hussain Ismail (2002) yang mana pengadunan serbuk besi karbonil CIP-S-1641 bersaiz  $4 \mu\text{m}$  dengan bahan pengikat Hastamont EK 583 pada pembebanan serbuk 60% tidak berjaya walaupun ia berada di bawah pembebanan kritikal serbuk iaitu 69.62% isipadu. Menurut Hartwig et al. (1998), permasalahan penggumpalan serbuk logam ini boleh dielakkan melalui penggunaan mesin pengadun ricihan tinggi serta dalam jangka masa yang lama. Akan tetapi keadaan ini akan menyebabkan serbuk logam tersebut teroksida.

Terdapat dua jenis kaedah penghasilan serbuk iaitu kaedah pengatoman gas dan pengatoman air. Menurut Karatas dan Saritas (2001), serbuk logam yang berbentuk sfera dihasilkan dengan kaedah pengatoman gas, manakala serbuk logam yang berbentuk tidak sekata pula dihasilkan dengan kaedah pengatoman air. Kaedah pengatoman gas dengan ciri kesferaan serbuk logam mempunyai beberapa kelebihan antaranya ketumpatan tap yang lebih tinggi, kebolehcuan yang lebih baik dan mampu merendahkan kelikatan bahan suapan manakala kelemahannya pula ia sukar mengekalkan bentuk semasa proses penyahikatan.

Selain ketidaksekataan geometri pada serbuk logam pengatoman air, ia juga dikatakan dapat mengurangkan ketumpatan jasad sinter (German dan Hens 1992) dan sifat mekanikalnya yang lebih rendah (Gülsoy et al. 2007). Suri et al. (2005) mendapati bahawa ketumpatan yang lebih rendah dicatatkan bagi serbuk pengatoman air adalah disebabkan oleh penempatan padatannya yang rendah. Kajian beliau

seterusnya menunjukkan serbuk SS316L pengatoman air hanya boleh disinter sehingga 97% ketumpatan teori manakala serbuk SS316L pengatoman gas pula boleh disinter sehingga 99% ketumpatan teori. Hal ini telah dibuktikan melalui Khairur Rijal (2009) yang mana ketumpatan sinter bagi pengatoman gas dicatatkan pada 98.8%. Kajian yang dilakukan oleh Ryan et al. (2005) pula mendapati bahawa keliangan dan saiz liang pada sempadan bijian pengatoman air menyebabkan kemampuannya untuk bergerak agak terhad dan menyukarkannya mencapai ketumpatan sinter yang tinggi. Oleh itu, kajian yang lebih lanjut akan dilakukan bagi meningkatkan ketumpatan jasad sinter bagi serbuk SS 316L dengan mengoptimumkan parameter setiap proses di dalam kajian ini.

### **2.2.2 Bahan pengikat**

Pemilihan bahan pengikat memainkan peranan yang sangat penting kerana ia merupakan faktor kejayaan sesuatu pengacuanan itu. Bahan pengikat merupakan suatu bahan yang memegang serta membawa serbuk logam memasuki kaviti acuan dan membantu serbuk logam untuk mengikut bentuk acuan yang digunakan. Ia merupakan medium sementara untuk mengikat serbuk logam mengikut bentuk acuan sebelum ianya disingkirkan melalui proses penyahikatan (Liu et al. 2003b) dan pensinteran. Bahan pengikat merupakan aspek penentu kejayaan yang mana kebiasaannya ia dapat dilihat secara mata kasar samada berlaku kehomogenan atau tidak semasa proses pencampuran.

Menurut Goncalves (2001), bahan pengikat terbahagi kepada 4 sifat iaitu sifat aliran, interaksi serbuk, penyahikatan dan pembuatan. Manakala menurut German dan Bose (1997), bahan pengikat yang ideal terbahagi kepada beberapa kategori antaranya:-

- a. Ciri aliran
  - i. Kelikatan di bawah 10 Pa.s pada suhu pengacuan
  - ii. Perubahan kelikatan yang rendah apabila berlaku perubahan suhu semasa proses pengacuan
  - iii. Kelikatan yang cepat berubah semasa proses penyejukan
  - iv. Kuat dan tegar selepas disejukan

- v. Molekul yang kecil untuk berada di celah partikel logam serta lompang semasa mengalir
- vi. Orientasi aliran yang minimum
- b. Interaksi dengan serbuk logam
  - i. Sudut sentuhan yang rendah
  - ii. Kelekatan terhadap serbuk logam
  - iii. Pasif secara kimia, walaupun semasa tegasan tinggi dan suhu tinggi
  - iv. Stabil secara termal semasa proses pengadunan dan pengacuan
- c. Ciri penyahikatan
  - i. Terdiri daripada berbagai komponen dengan ciri-ciri yang berbeza
  - ii. Tidak menghakis, tidak toksik
  - iii. Kandungan abu yang rendah dan kandungan metalik rendah
  - iv. Suhu penguraian lebih tinggi dari suhu penyuntikan dan suhu pengadunan
  - v. Boleh terurai di bawah suhu pensinteran
  - vi. Boleh dikeluarkan sepenuhnya disebabkan serbuk logam telah memperolehi ketegapan strukturnya
- d. Ciri proses pembuatan
  - i. Murah dan mudah diperolehi
  - ii. Selamat dan mesra alam
  - iii. Tahan lama, tidak mudah resap air serta elemen yang boleh merosakkannya
  - iv. Boleh diguna semula
  - v. Sifat pelinciran yang tinggi
  - vi. Kuat dan anjal
  - vii. Konduktiviti termal yang baik
  - viii. Pekali pengembangan termal yang rendah
  - ix. Mudah larut
  - x. Rangkaian kimia yang pendek, tanpa orientasi

Bahan pengikat lazimnya terdiri daripada 3 jenis komponen iaitu tulang belakang yang bertindak membekalkan kekuatan, fasa pengisi bagi memudahkan pengeluaran pada fasa pertama pengeluaran dan juga agen pembasah yang

menghubungkan bahan pengikat dan serbuk logam (German dan Bose 1997). Menurut German dan Bose (1997), terdapat lima jenis pengelasan bahan pengikat iaitu:-

- i. Campuran termoplastik
- ii. Campuran termoset
- iii. Campuran berasaskan air
- iv. Campuran berasaskan gelatin
- v. Bahan tidak organik

Di dalam kajian ini, bahan pengikat yang akan digunakan adalah PEG dan PMMA di mana PEG mempunyai sifat kebolehlarutan air yang tinggi serta pelinciran yang baik. Bahan ini juga tidak bertoksid dan mudah terurai pada suhu tidak melebihi 200°C. Manakala bahan pengikat PMMA pula mampu mengurangkan pengecutan jasad serta terurai pada suhu yang rendah tidak melebihi 180°C. Sistem bahan pengikat PEG/PMMA ini telah mula diperkenalkan oleh Cao et al. (1992). Beliau merupakan individu pertama yang membuat penyelidikan berkenaan sistem bahan pengikat ini diikuti oleh Anwar et al. (1995b), Bakan et al. (1998), Mohd Afian Omar (1999), Murtadhahadi (2006) dan Khairur Rijal (2009). German dan Cornwall (1997) menyatakan bahawa pemilihan bahan pengikat yang sesuai adalah berdasarkan berat molekul setiap komponen. Bagi PEG sahaja, terdapat berbagai-bagai gred molekul. Menurut Anwar et al. (1995a) sekiranya PEG bermolekul rendah digunakan, pengaliran bahan suapan mampu ditingkat ekoran kelikatannya yang rendah. Akan tetapi ini akan mengakibatkan jasad anum yang terhasil agak lembut dan mudah meleding semasa proses penyahacuan. Sekiranya PEG bermolekul tinggi pula digunakan, pengacuan akan menjadi semakin sukar akibat peningkatan kelikatan. Maka jasad anum yang lebih keras dapat dihasilkan tanpa menyebabkan jasad anum tersebut bengkok semasa dikeluarkan dari acuan.

Bagi sistem bahan pengikat, agen pengaktif permukaan merupakan antara faktor yang penting di dalam sesuatu pencampuran yang homogen. Pada awal kajian Mohd Afian Omar (1999), beliau tidak menggunakan agen pengaktif yang mana bahan suapan yang terhasil tidak homogen serta berketul-ketul. Maka beliau telah menyarankan kandungan asid stearik hendaklah ditambah kira-kira 2% bagi menghasilkan bahan suapan yang homogen, lembut serta mudah dikeluarkan daripada

acuan. Agen pengaktif permukaan seperti asid stearik berupaya untuk mengurangkan kelikatan adunan yang mana ia akan meningkatkan kandungan pepejal adunan tersebut dengan menghasilkan tautan di antara permukaan serbuk logam dan bahan pengikat. Hal ini penting di dalam Mikro MIM agar bahan suapan yang terhasil akan membentuk padatan yang bebas dari sebarang kecacatan. Seterusnya Li et al. (2007a) telah menggunakan PEG dengan berat molekul yang lebih tinggi. Hasil kajian beliau mendapati bahawa kelikatan bahan suapan berjaya direndahkan bagi memudahkan proses pengacuanan suntikan mikro. Li et al. (2007a) mendapati bahawa penambahan asid stearik daripada 2% kepada 8% terhadap serbuk keluli 17-4PH mampu mengurangkan sudut pembasahan bahan suapan tersebut. Di samping itu, pembebanan kritikal serbuk berjaya ditingkatkan bagi mengurangkan peratus pengecutan jasad mikro.

Secara keseluruhannya, terdapat empat sistem bahan pengikat yang telah dipatenkan iaitu Rivers, Weich, BASF dan SPS (Muhammad Hussain 2002). Sistem bahan pengikat berasaskan paten Weich banyak digunakan oleh Glabus et al. (1995), Angermenn dan Biest (1994), Chai dan German (1993), Japka dan German (1991). Kebanyakan penyelidik lebih tertumpu kepada aspek penjimatan masa khususnya semasa penyahikatan Lin et al. (1991), Biala (1994), Bakan et al. (1998). Sebagai contoh, Lin et al. (1991) telah menggunakan serbuk karbonil dengan sistem bahan pengikat BASF. Hasilnya pemisahan bahan pengikat berjaya dikurangkan akan tetapi ia memerlukan relau penyahikatan khas yang mengandungi campuran nitrogen dan asid nitrik. Duncavage et al. (1993) telah menggunakan sistem bahan pengikat PP dan SA. Seterusnya Bakan et al. (1998) telah menggunakan sistem bahan pengikat PEG dan PMMA dengan komposisi 80/20. Hasilnya proses pengacuanan berjalan lancar tetapi ketumpatan jasad anum yang rendah dicatatkan.

Beberapa penyelidik tempatan membuat kajian menggunakan sistem bahan pengikat antaranya stearin sawit dan minyak kelapa. Penggunaan stearin sawit dan minyak kelapa sebagai bahan pengikat MIM telah digunakan oleh Alfian Hamsi (1998), Norhamidi et al. (2000) dan Iriany (2002) yang mana ia telah diadunkan dengan polietilena dan polipropilena pada komposisi yang pelbagai. Ini disebabkan oleh sifat reologinya yang baik serta kos penghasilannya yang sangat murah. Hal ini

telah menarik minat penyelidik lain antaranya Istikamah Subuki et al. (2005, 2006), Mohd Afian Omar (2007) dan Ismail et al. (2007). Bahan pengikat polimer polietilena dan polipropilena akan bertindak sebagai bahan pengikat tulang belakang (primer) manakala stearin sawit sebagai bahan pengikat boleh larut (sekunder) yang akan dinyahikatkan sebelum proses pirolisis terma dilakukan. Penggunaan sistem bahan pengikat ini berjaya menunjukkan sifat reologi yang baik dimana nilai indeks tingkahlaku alirannya berada di antara 0.3 hingga 0.5, menunjukkan bahan suapan ini mempunyai sifat pseudoplastik. Selain daripada itu juga, kelikatan bahan suapan tersebut adalah kurang dari 1000 Pa.s manakala kadar ricihnya di antara 100 hingga 10,000  $s^{-1}$  seperti yang disarankan oleh German dan Bose (1997). Komposisi bahan suapan menunjukkan ketidakbergantungannya terhadap perubahan suhu akibat tenaga pengaktifannya yang rendah. Menurut Bilovol et al. (2003), bahan suapan MIM yang baik hendaklah mempunyai indeks tingkahlaku aliran yang rendah iaitu kepekaan bahan suapan terhadap perubahan kadar ricih serta nilai tenaga pengaktifan yang rendah (kurang kepekaan terhadap perubahan suhu). Di dalam mikro MIM, hal ini adalah penting kerana perubahan yang kecil mampu menyukarkan proses pengacuanan.

Hooman (2009) telah menggunakan sistem bahan pengikat kanji iaitu sistem yang boleh larut di dalam air. Dua jenis kanji digunakan oleh beliau iaitu kanji ubi kayu asli dan Purity-D (sejenis ubi kayu yang telah diubahsuai). Untuk mendapatkan kanji yang bersifat kebolehaliran yang baik serta bersifat termoplastik, beliau telah menambah gliserol sebagai bahan pemplastik kanji. Ujian relogi berjaya merekodkan kelikatan yang rendah dan bahan suapan bersifat pseudoplastik. Nilai indeks kebolehaliran serta nilai tenaga pengaktifan berada di dalam julat yang sesuai bagi proses pengacuanan suntikan logam. Kajian beliau juga berjaya menghasilkan komponen yang bebas kecacatan.

Dalam kajian yang lain, Setasuwon et al. (2008) telah memformulasikan tiga jenis bahan pengikat berasaskan minyak/lilin untuk bahan suapan MIM. Ia disediakan dengan mengadunkan berketumpatan rendah dengan lilin parafin, asid stearik dan minyak kelapa sawit gred makanan. Kajian beliau mendapati bahawa tempoh penyahikatan hampir 19 jam diperlukan bagi menyahikatkan sistem bahan pengikat



daripada komponen. Walaupun kos bahan pengikat dan prosesnya adalah murah tetapi tempoh penyahikatan yang terlalu lama diperlukan. Ini agak bertentangan dengan pemikiran penyelidik di dalam MIM.

Omar et al. (2001) pula mendapati bahawa pengurangan PMMA dalam bahan suapan dapat mengurangkan tempoh penyahikatan terma serta dapat mempercepatkan proses pengeluaran PEG semasa proses penyahikatan larutan. Akan tetapi pengurangan komposisi PMMA akan mengurangkan kekuatan lentur jasad anum serta jasad perang. Ini adalah kerana kandungan PMMA yang bertindak sebagai bahan pengikat tulang belakang telah pun berkurangan. Selain daripada itu juga, beliau mendapati bahawa tempoh yang lebih lama diperlukan untuk mengeluarkan jasad anum daripada acuan.

